

06 MAR 1999

PILIHAN RAYA UMUM TIDAK BERGANTUNG PADA KEPUTUSAN DI SABAH

KOTA KINABALU, 6 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan tentang bila untuk mengadakan pilihan raya umum di negara ini tidak bergantung kepada keputusan pilihan raya Sabah 12 dan 13 Mac ini.

Beliau berkata ini kerana ia tidak bermakna bahawa jika parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) menang di Sabah, BN akan menunjukkan prestasi yang baik di kawasan lain di negara ini.

" Kita mengadakan pilihan raya umum apabila kita berpendapat ia baik untuk kita," kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

" BN akan menang (di Sabah) dan oleh itu, ia tidak bermakna bahawa jika menang di sini, BN akan menunjukkan prestasi yang baik di sana."

Perdana Menteri berpuas hati dengan sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat Sabah setakat ini semasa BN menggerakkan kempen pilihan raya.

Beliau mengaku bahawa sesetengah anggota dan penyokong BN mungkin merungut terhadap beberapa perkara tetapi ini tidak menjejaskan peluang BN.

"Kita mendapati pembangkang berpecah dan telah hilang arah perjuangan dan matlamat mereka," kata beliau.

-- BERNAMA

AU FAZ